Dalam kajian eksperimen oleh Puente dan Anshel (2010) dan Wichers et al. (2012) jelas menyatakan bahawa dengan melakukan aktiviti fizikal, ia dapat memberi banyak manfaat kepada kesihatan mental seseorang individu dan salah satu daripadanya adalah kesan positif kepada seseorang individu bagi mengurangkan stres dan depresi di tempat kerja. Selain itu, Skakon et al. (2011) dan Tavares dan Plotnikoff (2008) juga menyokong melalui kajian mereka bahawa aktiviti fizikal memberi kesan positif ke atas stres di dalam pekerjaan.

Walaubagimanapun, Secara realiti di Malaysia, penemuan Tinjauan *Malaysia's Healthiest Workplace* oleh AIA Vitality pada tahun 2018 mendapati bahawa 45.9 peratus pekerja di Malaysia tidak aktif melakukan aktiviti fizikal. Ini membuktikan bahawa golongan pekerja di Malaysia kurang melakukan aktiviti fizikal. Kesibukan bekerja, komitmen terhadap keluarga dan kekurangan masa adalah alasan yang utama untuk tidak melakukan aktiviti fizikal oleh golongan yang bekerja (Merom, Pye, Macniven, Van Der Ploeg, Milat, Sherrington & Bauman, 2012).

Selain itu, tinjauan *Malaysia's Healthiest Workplace* oleh AIA Vitality pada tahun 2018 juga mendapati bahawa 50.2 peratus pekerja di Malaysia mengalami sekurang-kurangnya satu dimensi stres melibatkan kerja (AIA Vitality, 2018). Selari dengan tinjauan *Malaysia's Healthiest Workplace*, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) iaitu Datuk Aziz Muda di dalam Persidangan Psikologi Modal Insan pada tahun 2017 menyatakan tahap stres pekerja Malaysia sangat tinggi.





Menurut bekas Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia (MPA), Prof. Dr. Nor Zuraida Zainal, beliau menyatakan bahawa golongan guru didapati paling ramai mengalami gejala stres berbanding dengan kerjaya yang lain di negara ini akibat daripada bebanan kerja yang terlampaui banyak. Sekumpulan penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati kira-kira 71.1 peratus guru di Kuala Lumpur dan Selangor mengalami stres. Di samping itu pula, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (2017) mendapati 70 peratus daripada 9000 orang guru di Malaysia telah mengalami tekanan (Sajida Asarulah Khan, 2018).

Daripada dapatan-dapatan kajian yang lepas tersebut, ia membuktikan bahawa tahap aktiviti fizikal mempunyai kaitan dengan tahap stres seseorang individu. Oleh itu, hubung kait di antara tahap aktiviti fizikal dan tahap stres seseorang perlu dikaji terutamanya ke atas golongan guru yang didapati kerjaya yang mengalami stres kerja yang paling tinggi di negara ini.

Namun yang demikian, tahap aktiviti fizikal yang rendah diukur dengan ketidakcapaian tahap minima aktiviti fizikal iaitu 150 minit seminggu di mana ia dipengaruhi beberapa oleh faktor yang menghalang seseorang melakukan aktiviti fizikal. Berdasarkan *Sosial Ecological Model* (Garcia, Hahn, Magasi, Lai, Semik, Hammel & Heinemann, 2015), faktor tersebut adalah intrapersonal, interpersonal, persekitaran fizikal dan struktur serta organisasi (Bethancourt, Rosenberg, Beatty, & Arterburn, 2014). Oleh itu, faktor utama yang menghalang guru-guru sekolah untuk melakukan aktiviti fizikal perlu dikaji.





1.3 Penyataan Masalah

Aktiviti fizikal merupakan salah satu mekanisma bagi mengurangkan stres dan depresi di tempat kerja (Puente and Anshel, 2010). Kajian eksperimen oleh Wicher pada tahun 2012 mendapati bahawa aktiviti fizikal memberi kesan yang positif kepada kesejahteraan minda dan mengurangkan stres termasuk stres berkaitan kerja dan kebimbangan seorang individu. Disamping itu, MacFarlane dan Montgomery pada tahun 2010 mendapati aktiviti fizikal membantu seseorang individu bekerja lebih fokus dalam melaksanakan tugas yang diberikan dan kurang tertekan. Tambahan pula, Vankim dan Nelson (2013) pula mendapati individu yang melakukan aktiviti fizikal seperti yang dicadangkan oleh WHO mempunyai kesihatan mental yang lebih baik dan tahap stres yang lebih rendah berbanding individu yang tidak melakukannya.



Meskipun aktiviti fizikal mudah dilakukan seperti yang dicadangkan oleh WHO iaitu 150 minit seminggu dan program kecergasan yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu tiga atau empat aktiviti aerobik setiap minggu kira-kira 50 hingga 85 peratus kadar maksima jantung (kadar sasaran jantung) untuk sesi 30 hingga 40 minit , tahap stres bekerja di negara ini masih tinggi. Penemuan Tinjauan *Malaysia's Healthiest Workplace* oleh AIA Vitality pada tahun 2018 melaporkan bahawa 50.2 peratus pekerja di Malaysia mengalami sekurang-kurangnya satu dimensi stres melibatkan kerja (AIA Vitality, 2018). Bekas Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia, Prof. Dr. Nor Zuraida Zainal menyatakan bahawa golongan guru didapati paling ramai mengalami gejala stres berbanding dengan





kerja yang lain di negara ini akibat daripada bebanan kerja yang terlampaui banyak (Sajida Asarulah Khan, 2018).

Penyelidik percaya bahawa tahap stres bekerja di Malaysia patut di tahap yang tinggi kerana berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 2016 yang lalu, hanya 40% rakyat Malaysia mengamalkan aktiviti fizikal secara rutin. Peratusan ini boleh dikategorikan sebagai rendah jika dibandingkan dengan negara membangun yang lain dimana 50% hingga 60% rakyat mereka mengamalkan aktiviti fizikal secara rutin (Khairy Jamaluddin, 2016). Dapatan kajian oleh KBS ini selari dengan penemuan Tinjauan *Malaysia's Healthiest Workplace* oleh AIA Vitality juga pada tahun 2018 di mana 45.9 peratus pekerja di Malaysia tidak aktif melakukan aktiviti fizikal. Ini membuktikan bahawa golongan pekerja di Malaysia kurang melakukan aktiviti fizikal. Kesibukan bekerja, komitmen terhadap keluarga dan kekurangan masa adalah alasan yang utama untuk tidak melakukan aktiviti fizikal oleh golongan yang bekerja (Merom et al., 2012). Oleh itu, kekurangan melakukan aktiviti fizikal akan menyumbang dan memberi kesan negatif kepada kesihatan mental pekerja di Malaysia.

Oleh itu, senario yang dialami oleh pekerja di Malaysia selari dengan dapatan-dapatan kajian lampau di mana individu yang mempunyai tahap aktiviti fizikal yang rendah akan mengalami tahap stres bekerja yang tinggi. Namun yang demikian, Lallukka, Chandola, Roos, Cable, Sekine, Kagamimori & Lahelma (2010) mengetengahkan pandangan yang bertentangan. Dalam hasil kajian tersebut, beliau gagal menunjukkan hubung kait yang jelas di antara aktiviti fizikal dan stres di tempat kerja. Beliau mencadangkan bahawa kesihatan mental yang diwujudkan ketika awal





kedewasaan dapat mengekalkan kestabilan mental ketika menghadapi stres di tempat kerja. Di samping itu, kajian oleh Abrahams (2014) juga menyokong kajian yang dijalankan oleh Lallukka et al. (2010) kerana beliau mendedahkan bahawa dengan melakukan aktiviti fizikal, ia hanya memberi sedikit kesan positif ke atas stres di tempat kerja. Oleh itu, kaitan aktiviti fizikal dengan stres bekerja perlu dikaji bagi menjawab jurang penyelidikan ini dan melihat sejauh mana kaitan antara tahap aktiviti fizikal dengan tahap stres bekerja dalam kalangan pekerja di Malaysia.

Penyelidik telah membuat carian secara mendalam dan teliti di dalam beberapa enjin pencarian dan pangkalan data seperti *ScienceDirect*, *EBSCohost*, *Proquest*, *UPSI Digital Repository*, *Wiley Online Library*, *Google Scholar* bahkan di carian Google dengan kata kunci yang berkaitan, namun tiada kajian yang memfokuskan tentang kaitan tahap aktiviti fizikal dengan tahap stres bekerja. Hasil dari carian tersebut, penyelidik hanya menemui kenyataan-kenyataan berkenaan kelebihan melakukan aktiviti fizikal termasuk kesan positif terhadap stres bekerja dan kenyataan tersebut dijadikan sebagai sokongan dan rujukan bagi kajian ini oleh penyelidik.

Di samping itu, halangan bagi seseorang melakukan aktiviti fizikal juga perlu dikaji bersama dalam kajian ini kerana ia memberi kesan secara langsung kepada tahap aktiviti fizikal dan tidak langsung terhadap tahap stres bekerja. Berkait rapat dengan tahap aktiviti fizikal seseorang, *Social Ecological Framework* (Garcia et al.) dapat menerangkan dengan lebih jelas faktor yang mempengaruhi tahap aktiviti fizikal seseorang individu iaitu melibatkan 4 faktor utama halangan seseorang





individu menyertai aktiviti fizikal iaitu intrapersonal, interpersonal, persekitaran fizikal dan struktur dan organisasi (Bethancourt et al., 2014).

Mempunyai limitasi dalam melakukan aktiviti fizikal yang dipengaruhi oleh peningkatan usia menjadi masalah utama bagi faktor intrapersonal terhadap individu sebagai alasan tidak melakukan aktiviti fizikal. Tambahan pula, mereka juga mengalami kebimbangan melakukan aktiviti fizikal kerana berpotensi terjatuh dan mendapat kecederaan serta masa yang diambil untuk proses pemulihan kecederaan lebih lama berbanding mereka yang kurang berusia (Bethancourt et al., 2014).

Tambahan pula, berdasarkan faktor interpersonal, kurang sokongan dan motivasi daripada keluarga untuk melakukan aktiviti fizikal mempengaruhi tahap aktiviti fizikal seseorang individu. Masa bersama keluarga diperuntukan dengan menonton wayang dan makan di restoran menidakkan kepentingan melakukan aktiviti fizikal (Santos, Ball, Crawford, & Teixeira, 2016). Di samping itu juga, tiada tunjuk ajar dan pengetahuan yang betul ke atas sukan yang diminati mendorong seseorang individu tersebut lebih suka menonton berbanding menceburi sukan tersebut (Bethancourt et al., 2014).

Sementara itu, berdasarkan faktor persekitaran fizikal, Giles (2002) menyatakan bahawa kekurangan, ketidaksusunan dan kekotoran kemudahan sukan, cuaca buruk, kemudahan yang kurang selamat dan lokasi kemudahan sukan yang kurang strategik menjadi penghalang kepada seseorang untuk melakukan aktiviti fizikal. Selain itu, Allison, Dwyer, Goldenberg, Fein, Yoshida dan Boutilier (2005) mengatakan bahawa kekurangan masa menjadi faktor utama halangan kepada



kebanyakan individu yang bekerja. Memandangkan populasi kajian ini adalah guru, keutamaan masa mereka adalah diperuntukan untuk menyelesaikan tugas di tempat kerja, cita-cita di masa hadapan, pencapaian dan peningkatan kerjaya mereka (Abd. Rahim Abd. Rashid & Jamaludin Tubah, 2006).

Memetik daripadauraian oleh Giles (2002) kekurangan kemudahan sukan, halangan untuk individu melakukan aktiviti fizikal berdasarkan faktor struktur dan organisasi adalah kesanggupan mereka membelanjakan wang untuk membayar yuran bagi menggunakan kemudahan sukan. Tambahan pula, tahap ekonomi Malaysia pada masa ini dalam keadaan tidak mengizinkan dan mereka akan memberi keutamaan dalam perbelanjaan keperluan harian dan bil bulanan. Selain itu, kekurangan maklumat berkaitan aktiviti yang dijalankan di kawasan setempat juga menyumbang kepada faktor ini (Greysen, Hoi-Cheung, Garcia, Kassell, Sarkar, Goldman & Kushel, 2014).

Kesimpulannya, tahap aktiviti fizikal golongan pekerja di Malaysia berada di tahap yang rendah. Situasi ini selari dengan dapatan-dapatan kajian lampau di mana individu yang mempunyai tahap aktiviti fizikal yang rendah akan mengalami tahap stres bekerja yang tinggi. Aktiviti fizikal merupakan salah satu mekanisma bagi mengurangkan stres dan depresi di tempat kerja (Puente and Anshel, 2010). Situasi ini boleh dikaitkan dengan tahap stres golongan pekerja di negara ini berada pada tahap yang membimbangkan di mana 50.2 peratus pekerja di Malaysia mengalami sekurang-kurangnya satu dimensi stres melibatkan kerja. golongan guru didapati paling ramai mengalami gejala stres berbanding dengan kerjaya yang lain di negara ini akibat daripada bebanan kerja yang terlampau banyak. Oleh itu, hubungan tahap



aktiviti fizikal dengan tahap stres bekerja guru sekolah perlu dikaji disamping hubungan tahap aktiviti fizikal dengan halangan melakukan aktiviti fizikal supaya senario yang dialami oleh golongan pekerja di negara iaitu tahap aktiviti fizikal dapat ditingkatkan manakala tahap stres bekerja dapat dikurangkan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tahap aktiviti fizikal, tahap stres bekerja dan hubung kait di antara kedua-duanya serta halangan-halangan melakukan aktiviti fizikal dalam kalangan guru-guru di negeri Perak Darul Ridzuan. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:



- 1) Mengenal pasti tahap aktiviti fizikal dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak.
- 2) Mengenal pasti tahap stres bekerja dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak.
- 3) Mengkaji perkaitan antara aktiviti fizikal dan tahap stres bekerja dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak.
- 4) Mengenal pasti halangan utama dalam menjalankan aktiviti fizikal guru sekolah di negeri Perak.





- 5) Mengkaji perkaitan halangan melakukan aktiviti fizikal dengan tahap aktiviti fizikal guru sekolah di negeri Perak.

1.5 Persoalan Kajian

Perbincangan dalam kajian-kajian yang lepas telah banyak menimbulkan persoalan terutamanya berkaitan tahap aktiviti fizikal, tahap stres bekerja, hubung kait di antara kedua-duanya serta halangan melakukan aktiviti fizikal. Walau bagaimanapun, kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan yang timbul tersebut dengan kajian dilakukan ke atas guru-guru sekolah di negeri Perak Darul Ridzuan memandangkan tahap aktiviti fizikal dan tahap stres bekerja di Malaysia berada pada tahap yang

membimbangkan. Antara persoalan kajian yang akan dijawab dalam kajian ini adalah:

- 1) Apakah tahap aktiviti fizikal dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?
 - a) Adakah terdapat perbezaan tahap aktiviti fizikal berdasarkan jantina dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?
 - b) Adakah terdapat perbezaan tahap aktiviti fizikal berdasarkan kategori sekolah dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?
 - c) Adakah terdapat perbezaan tahap aktiviti fizikal berdasarkan tahap pendidikan dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?





2) Apakah tahap stres bekerja dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?

- a) Adakah terdapat perbezaan tahap stres bekerja berdasarkan jantina dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?
- b) Adakah terdapat perbezaan tahap stres bekerja berdasarkan kategori sekolah dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?
- c) Adakah terdapat perbezaan tahap stres bekerja berdasarkan tahap pendidikan dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?

3) Adakah terdapat perkaitan antara tahap aktiviti fizikal dan tahap stres bekerja dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?

4) Apakah halangan utama dalam melakukan aktiviti fizikal oleh guru sekolah di negeri Perak?


- a) Adakah terdapat perbezaan halangan melakukan aktiviti fizikal berdasarkan jantina dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?
- b) Adakah terdapat perbezaan halangan melakukan aktiviti fizikal berdasarkan kategori sekolah dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?
- c) Adakah terdapat perbezaan halangan melakukan aktiviti fizikal berdasarkan tahap pendidikan dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?





- 5) Adakah terdapat perkaitan antara halangan melakukan aktiviti fizikal dengan tahap aktiviti fizikal dalam kalangan guru sekolah di negeri Perak?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian





Secara umumnya, kerangka konsep mewakili tinjauan literatur penyelidik di mana ia menerangkan fenomena kajian yang dilakukan. Ia juga memaparkan tindakan yang diperlukan sepanjang proses kajian ini dilakukan dengan berpandukan kepada penemuan penyelidik lain yang menggunakan subjek penyelidikan. Dalam erti kata lain, kerangka konsep adalah pemahaman penyelidik tentang bagaimana boleh ubah tertentu dalam kajiannya berhubung kait di antara satu sama lain. Kerangka konsep juga adalah untuk mempersembahkan persoalan penyelidikan yang mendorong penyiasatan dilaporkan berdasarkan penyataan masalah (McGaghie & Thompson, 2001).

Pboleh ubah tidak bersandar pertama kepada kajian ini adalah Halangan melakukan aktiviti fizikal manakala pemboleh ubah bersandar pertama adalah tahap aktiviti fizikal. Menurut Bryan (2009), faktor persekitaran fizikal mempengaruhi tahap aktiviti fizikal individu. Sehubungan itu, ia membuktikan halangan melakukan aktiviti fizikal mempunyai kaitan dengan tahap aktiviti fizikal.

Pboleh ubah tidak bersandar kedua bagi kajian ini adalah tahap aktiviti fizikal manakala pemboleh ubah bersandar kedua adalah tahap stres bekerja. Tahap aktiviti fizikal dan tahap stres bekerja ini diukur ke atas guru-guru sekolah rendah dan menengah di negeri Perak mengikut jumlah sampel yang diperoleh melalui teknik persampelan seperti dalam bab 3. Hubungan kedua-dua pemboleh ubah ini jelas berkaitan di antara satu sama lain. Sebagai contoh, Puente dan Anshel (2010) dan Wichers et al. (2012) jelas menyatakan bahawa dengan melakukan aktiviti fizikal, ia dapat memberi kesan positif kepada seseorang untuk mengurangkan stres dan depresi di tempat kerja. Selain itu, Skakon et al. (2011) dan (Tavares & Plotnikoff, 2008) juga



menyokong melalui kajian mereka bahawa aktiviti fizikal memberi kesan positif kepada stres di dalam pekerjaan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini mengkaji ke atas tahap aktiviti fizikal, tahap stres bekerja dan pengaruh aktiviti fizikal dalam mengurangkan tahap stres bekerja dalam kalangan guru sekolah rendah dan menengah negeri Perak. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti halangan utama melakukan aktiviti fizikal dalam kalangan guru sekolah rendah dan menengah negeri Perak berdasarkan empat faktor daripada *social-ecological framework* iaitu intrapersonal, interpersonal, persekitaran fizikal dan struktur dan organisasi. Apabila semua perkara tersebut berjaya dikaji, ia akan memberikan manfaat kepada individu, organisasi, komuniti dan negara.

- i. Tahap aktiviti fizikal guru-guru sekolah di negeri Perak dapat diketahui samada berada di tahap yang rendah, sederhana atau tinggi dan boleh menjadi rujukan kepada pengkaji di dalam bidang yang sama mahupun pihak yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

- ii. Tahap stres bekerja guru-guru sekolah di negeri Perak dapat diketahui samada berada di tahap yang rendah, sederhana dan tinggi dan boleh menjadi rujukan kepada pengkaji di dalam bidang yang sama mahupun

pihak yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

- iii. Faktor utama halangan guru-guru sekolah di negeri Perak untuk melakukan aktiviti fizikal seperti yang dicadangkan oleh WHO iaitu 150 minit seminggu dapat dikenalpasti dan boleh menjadi rujukan kepada pengkaji di dalam bidang yang sama mahupun pihak yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak.
- iv. Sumbangan kepada bacaan akademik di dalam bidang yang dikaji kerana terdapat kajian-kajian yang lampau mengenai perkara ini tidak konsisten.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah dan menengah di negeri Perak Darul Ridzuan. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji kaitan antara tahap aktiviti fizikal dengan tahap stres bekerja di samping melihat apakah faktor utama yang menyumbang kepada seseorang individu tidak melakukan aktiviti fizikal.



1.8.1 Kejujuran

Kejujuran adalah sangat penting untuk menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan. Ini kerana setiap soalan yang berada di dalam borang soal selidik tersebut perlu dibaca dan difahami sebelum menjawab. Setiap jawapan yang dijawab tanpa difahami akan mengakibatkan data yang diperolehi kurang tepat.

1.8.2 Kekangan Masa

Kekangan masa juga dianggap sebagai batasan ke atas kajian ini. Ini disebabkan kajian ini melibatkan sekolah-sekolah di seluruh negeri Perak dan ia akan mengambil masa yang lama untuk menyelidik menabur dan mendapatkan semula borang soal selidik bagi kajian ini. Selain itu, ketidakberadaan guru di bilik guru juga menyumbang sebagai batasan kajian ini kerana guru akan memenuhi masa kerja mereka di dalam bilik darjah. Oleh itu, penyelidik terpaksa meninggalkan borang soal selidik di atas meja guru beserta sampul surat berstem untuk guru-guru tersebut memulangkan borang soal selidik melalui pos.



1.9 Definasi Operasional

Beberapa perkataan di dalam kajian ini perlu dijelaskan dengan lebih terperinci kerana ia mungkin mempunyai maksud yang berbeza yang difahami oleh umum dan perlu didefinisikan secara operasi dalam konteks kajian ini kerana ia akan mudahkan kefahaman pembaca.

1.9.1 Aktiviti Fizikal

Aktiviti fizikal adalah pergerakan yang dihasilkan oleh penggunaan otot-otot yang utama yang mampu membakar kalori berlebihan dalam tubuh (Holmes, Powell-Griner, Lethbridge-Cejku, & Heyman, 2009). Aktiviti fizikal dalam konteks kajian ini merujuk kepada jumlah jam penglibatan guru-guru sekolah di negeri Perak melibatkan diri dalam aktiviti fizikal yang diukur menggunakan borang soal selidik *The International Physical Activity Questionnaire* (IPAQ) pendek versi Bahasa Melayu (Soo, Wan Abdul Manan, & Wan Suriati, 2015). Tahap minima aktiviti fizikal yang dicadangkan oleh WHO adalah 150 minit seminggu.

1.9.2 Stres Bekerja

Stres bekerja adalah tekanan sebagai tindak balas fisilogikal dan fisiologikal ke atas permintaan terhadap seseorang yang berpunca daripada persekitaran pekerjaan (Birhanu, Gebrekidan, Tesefa, & Tareke, 2018). Definisi stres bekerja dalam kajian



ini merujuk kepada tahap stres bekerja yang dialami oleh guru-guru sekolah di negeri Perak yang diukur dengan menggunakan borang soal selidik *Teachers Stress Inventory* (TSI) (Fimian, 1986).

1.9.3 Halangan Melakukan Aktiviti Fizikal

Sesuatu yang menyebabkan kesukaran kepada seseorang individu untuk melakukan aktiviti fizikal (Omli & Wiese-Bjornstal, 2011). Definisi halangan melakukan aktiviti fizikal dalam kajian ini merujuk kepada halangan melakukan aktiviti fizikal bagi guru-guru sekolah di negeri Perak yang melibatkan 4 faktor utama iaitu intrapersonal, interpersonal, persekitaran fizikal dan struktur dan organisasi serta diukur menggunakan borang soal selidik *Barriers in Physical Activity and exercise Participation* (BPEP) (Bethancourt et al., 2014).

1.9.4 Guru Sekolah

Guru adalah individu yang membantu pelajar sekolah memperoleh pengetahuan, kecekapan atau kebajikan (DeFrank & Stroup, 1989). Definisi Guru sekolah dalam kajian ini merujuk kepada guru-guru sekolah rendah dan menengah di negeri Perak.





1.9.5 Negeri Perak

Perak Darul Ridzuan merupakan salah satu daripada 13 buah negeri yang membentuk Malaysia dan mempunyai 11 kawasan yang dipanggil sebagai daerah iaitu Kuala Kangsar, Hulu Perak, Kerian, Larut, Matang dan Selama, Kinta, Kampar, Batang Padang, Perak Tengah, Hilir Perak, Manjung dan Muallim. Daerah Muallim merupakan daerah pentadbiran baharu yang ke-11 di negeri Perak serta keluasan negeri Perak ialah 21005 kilometer persegi. Dalam kajian ini, negeri Perak dijadikan sebagai kawasan kajian.

1.10 Rumusan



Bab ini bermula dengan menjelaskan secara umum tentang kepentingan melakukan aktiviti fizikal terhadap kesihatan fizikal dan mental dengan merujuk kepada kajian-kajian yang lepas. Di samping itu juga, stres bekerja yang dikaitkan dengan tahap aktiviti fizikal yang rendah dan halangan seseorang melakukan aktiviti fizikal juga dijelaskan secara umum di dalam bab ini.

Seterusnya, perbincangan di dalam bab ini menekankan ke atas pernyataan masalah di mana ia menggalakkan penyelidik untuk melakukan kajian ini selaras dengan objektif kajian. Oleh itu, berdasarkan pernyataan masalah yang dinyatakan oleh penyelidik, tahap aktiviti fizikal dan tahap stres bekerja serta pengaruh aktiviti fizikal terhadap tahap stres bekerja perlu dikaji kerana kerana tahap stres pekerja di Malaysia sangat tinggi dan didokong dengan penemuan *Tinjauan Malaysia's*





Healthiest Workplace oleh AIA Vitality pada tahun 2018 di mana 50.2 peratus pekerja di Malaysia mengalami sekurang-kurangnya satu dimensi stres melibatkan kerja (AIA Vitality, 2018).

Selain itu, halangan melakukan aktiviti fizikal juga turut dikaji berdasarkan *social-ecological framework* kerana ia mempengaruhi tahap aktiviti fizikal seseorang individu dan secara tidak langsung mempengaruhi tahap stres bekerja. Kajian ini dilakukan ke atas guru-guru sekolah di negeri Perak Darul Ridzuan kerana hasil kajian yang dilakukan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (2017) mendapati 70 peratus daripada 9000 orang guru di Malaysia telah mengalami tekanan.

